

BAB I

BIOGRAFI

SYEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN AL-PATANI

Latar Belakang Sejarah Patani

Sepanjang abad ke-15 dan ke-16, sejarah telah membuktikan bahawa di rantau ini telah muncul dan berkembang daerah-daerah pesisir yang menjadi negara-negara Islam di kepulauan Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu akibat dari hubungan perdagangan dengan saudagar-saudagar Arab-Parsi dan India. Di antara kerajaan-kerajaan Islam yang baru muncul adalah Melaka, Aceh, Johor, Banten, Demak, Makasar dan Patani¹.

Kemunculan kerajaan-kerajaan ini sebahagian disebabkan oleh perubahan pola perdagangan dunia yang dimulai pada tahun 1400 an, yang mana pelayaran-pelayaran panjang yang sebelumnya mendominasi perdagangan antarabangsa telah ditinggalkan. Barang perdagangan dari China dan Asia Tenggara sekarang harus melalui banyak kawasan perdagangan yang saling meliputi terlebih dahulu sebelum sampai ke Eropah. Pelabuhan-pelabuhan yang dominan di masing-masing kawasan ini, di samping menjadi ejen-ejen utama barang-barang dari luar negeri di daerah

¹ Wayne A. Bougas, **Patani Selama Pemerintahan Raja Hijau**. (I.p., 1988), hlm. 1.

mereka, juga menjadi sumber pengeluar barang-barang tempatan bagi para pedagang dari kawasan-kawasan lain.

Kerajaan kecil paling terkemuka yang pada akhirnya muncul di daerah Patani adalah Langkasuka. Langkasuka inilah yang pertama kali disebut-sebut di dalam sejarah Dinasti Liang (502-556M). Inilah yang kemudian menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang penting untuk para pedagang bangsa-bangsa Asia, terutama pada waktu para pelaut mulai belayar secara langsung menyeberangi Teluk Siam dari hujung paling selatan dari Vietnam ke Semenanjung Tanah Melayu, yang sering membawa mereka ke daratan yang kelihatan di daerah Patani². Hanya sedikit yang diketahui tentang sejarah Langkasuka. Langkasuka terakhir diketahui dari **Tawarikh Pasai** yang menyatakan bahawa Langkasuka dihancurkan pada tahun 1370 M³.

Sejarah awal Kerajaan Melayu Patani masih lagi diselimuti kecaburan. Dalam catatan sejarah tidak dapat dipastikan asal-usul atau tarikh sebenar kerajaan Melayu Patani didirikan. Mengikut catatan pelawat-pelawat China yang membuat perhubungan dengan negeri-negeri Asia Tenggara pada abad ke-2 M. sebuah negeri bernama “Lang-ya-shiu” atau Langkasuka sudahpun wujud ketika itu⁴. Berpandukan catatan tersebut ahli-ahli sejarah Eropah percaya bahawa negeri Langkasuka yang terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu antara Senggora (Songkhla) dan

² A. Teeuw dan D.K. Wyatt, **The Story Of Patani**, (The Hague: Martinus Nijhoff, 1970), hlm. 3.

³ W. Linchan, “A History Of Pahang”, dalam **MBRAS**, 1948, hlm. 121.

⁴ Paul Wheatley, **The Golden Khorsencese**, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 1961), hlm 387-412.

Kelantan itu adalah lokasi asal negeri Patani. Adalah dipercayai bahawa ibu negerinya pada masa itu terletak di sekitar daerah Yarang.⁵

Perpindahan nama dari Langkasuka kepada Patani tidak diketahui dengan pasti. Menurut Wan Hashim Wan Teh, perubahan nama dari Langkasuka kepada Patani disebabkan oleh dua faktor, iaitu perubahan pusat pemerintahannya dan perubahan agama Hindu-Budha kepada Islam.⁶ Hikayat Patani menyebut bahawa Patani mewarisi dari negara yang namanya "Kota Mahligai".⁷

Kedudukan Patani di Semenanjung Siam yang strategik dari segi geografi, telah menyebabkan kota itu menjadi tumpuan pedagang-pedagang asing baik dari barat mahupun timur untuk singgah sama ada untuk beristirehat ataupun berdagang. Dalam masa yang singkat saja Patani telah muncul sebagai sebuah kerajaan yang penting, maju dari segi ekonomi serta stabil dari segi politik dan pemerintahan. Dasar perhubungan antarabangsanya yang baik telah menyelamatkan Patani daripada jatuh kepada penjajah-penjajah Siam, Portugis dan Belanda.⁸

Patani atau Fathani yang terletak di Timur Laut Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia Barat) adalah sebuah wilayah yang merangkumi satu kawasan yang seluas kira-kira 777 batu persegi atau 2,013 kilometer persegi dan mempunyai pantai

⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, **Sejarah Perjuangan Melayu Patani**. (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), hlm. 15.

⁶ Wan Hashim Wan The, "Kerajaan Melayu Patani Berusia 2000 Tahun", **Utusan Malaysia**, 1989, bil. 9.

⁷ A. Teeuw dan D.K. Wyatt, **The Story**, hlm. 6.

⁸ Nik Anuar Nik Mahmud, **Sejarah**, hlm. 16.

sepanjang 72 batu atau 112 kilometer. Meskipun Patani, dari segi kedudukan geografinya dalam konteks Alam Melayu berada di pinggir dan merupakan wilayah yang kecil, namun ia adalah besar dari segi politik dan terutamanya jika ditinjau dari aspek sumbangannya terhadap tamadun Islam di rantau Alam Melayu pada abad ke-13H/ ke-19M⁹.

Patani pernah menjadi salah sebuah dari pusat perkembangan Islam di Asia Tenggara, sehingga suatu hipotesis yang kuat telah muncul menyatakan Islam telah terlebih dahulu bertapak di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu sebelum tiba di Pantai Barat¹⁰. Patani mula menerima Islam bersamaan dengan berdirinya kerajaan Islam yang pertama di Alam Melayu, Samudra Pasai. Kenyataan ini dapat ditemukan antara lain dalam bukunya A. Bangnara, **Patani Dahulu dan Sekarang** yang menyatakan bahawa agama Islam telah dianut oleh masyarakat Patani lebih dari tiga ratus tahun sebelum raja Patani Paya Tu Naqpa secara rasmi memeluk agama Islam pada tahun 1457M¹¹.

Hubungan awal Patani dengan Islam tidak diragukan lagi adalah berpunca daripada pedagang-pedagang Arab-Parsi, dan India. Pedagang-pedagang Arab-Parsi dan India menduduki pusat perdagangan Patani pada abad ke-12M dan berkahwin

⁹Engku Ibrahim Ismail, "Syekh Dawud Al-Fatani : Satu Analisis Peranan dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara", (Kertas kerja yang dibentangkan dalam Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Keempat, pada 17-19 1991, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM dengan kerjasama Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), hlm.7.

¹⁰A.Teeuw dan D.K. Wyatt, **The Story**, hlm. 13.

¹¹A.Bangnara, **Patani Dahulu dan Sekarang**.(Patani : Angkatan Penyelidikan Al-Patani, 1977). hlm.

7

dengan penduduk-penduduk tempatan yang kemudian membentuk asas penting bagi kewujudan masyarakat Islam¹².

Sebelum abad ke-15M, kawasan perdagangan yang paling penting dan sibuk di rantau Alam Melayu berpusat di sekitar Selat Melaka. Kemunculan dan kemenangan bangsa Portugis sehingga berkuasanya mereka atas Melaka pada tahun 1511M telah menyebabkan kelancaran arus perdagangan antarabangsa di sekitar Selat Melaka terganggu. Pemerasan dan eksloitasi yang dilakukan oleh bangsa Portugis – terutama terhadap pedagang-pedagang Muslim-membuat perdagangan menjadi tidak begitu menguntungkan, sehingga mendorong para pedagang-pedagang Muslim mencari pelabuhan-pelabuhan dan jalur lain untuk meneruskan perdagangan mereka. Mereka akhirnya memilih Aceh, Banten, Johor dan Patani sebagai pelabuhan alternatifnya. Keadaan demikian telah membuat kerajaan-kerajaan tersebut terus meningkat pesat bidang perekonomiannya mulai abad ke-16M¹³.

Patani mencapai puncak kemakmurannya pada masa pemerintahan ratu-ratu yang terdiri dari Ratu Hijau (1584-1616M), Ratu Biru (1616- 1624M), Ratu Ungu (1624- 1635M) dan Ratu Kuning (1635- 1688M). Pada masa ini jumlah penduduk bertambah pesat dan padat kalau dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Ia disifatkan sebagai sebuah pusat perdagangan

¹² Wayne A. Bougas, *The Kingdom*, hlm.29.

¹³ Ibid., hlm. 78.

yang penting bagi pedagang-pedagang Eropah dan Asia¹⁴. Setelah kematian Ratu Kuning, pemerintahan kerajaan Patani diambilalih oleh Dinasti Kelantan (1688-1785M)¹⁵.

Walaupun selama pemerintahan Dinasti Kelantan keadaan di Patani tidaklah semakmur pada masa pemerintahan sebelumnya, namun kemakmuran, kesetabilan dan kesejahteraan pada abad ke-17 itulah dapat dijadikan sebagai faktor pendorong yang telah memungkinkan kalangan pelajar-pelajar Patani untuk melakukan perjalanan mereka ke pusat-pusat keilmuan Islam di Timur Tengah dan rantau Alam Melayu sendiri. Keadaan ini ditambah dengan adanya usaha Dinasti Turki Uthmani sejak awal abad ke-16M untuk meningkatkan kawalan keselamatan dan keamanan di sepanjang jalur perjalanan haji juga memberikan peluang lebih baik bagi pelajar-pelajar Patani khususnya dan alam Melayu umumnya untuk melanjutkan pengajian mereka di Timur Tengah. Dari sini, terjadilah peningkatan jumlah murid-murid Jawi (Alam Melayu) yang menuntut ilmu di pelbagai tempat di sepanjang jalur perdagangan dan haji. Inilah yang kemudian mendorong munculnya di Haramain suatu komuniti yang menurut sumber Arab disebut “ashab al Jawiyyin” (sahabat-sahabat dari tanah jawi)¹⁶.

¹⁴: Newbold, *Political and Statistical Accounts of the British Settlements in the Straits of Malacca*. (London: Oxford University Press, 1971), hlm. 67.

¹⁵: Wayne A. Bougas, *Patani*, hlm.6.

¹⁶: Az yumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. (Bandung: Mizan, 1994), hlm. 48.

Keagungan dan kebesaran kerajaan ini mungkin setanding dengan kedudukan Melaka di abad ke- 15M. Zaman kegemilangan Patani hanyalah dua abad sahaja, kerana pada zaman berikutnya Patani menuju ke zaman suram, terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi. Faktor yang menyebabkan kedudukan Patani menjadi semakin terdesak dan tidak penting , adalah kerana pengaruh perdagangan asing (barat) yang menguasai Selatan Semenanjung Tanah Melayu, dan yang lebih penting dari itu adalah kerana bertambahnya pengaruh kekuasaan Siam atas Patani¹⁷.

Kedatangan bangsa Siam di bumi Patani dengan pelbagai polisinya yang nekad terhadap nasionalisme Siam telah memberi kesan yang serius kepada orang-orang Melayu di Patani, malah tidak sedikit bangsa Melayu Patani terpaksa menyerah kalah kepada polisi integrasi dan nasionalisasi Siam. Keinginan untuk melepaskan diri dari akibat buruk penguasaan Siam ke atas Patani yang bermula pada abad ke-18 inilah menyebabkan ramai orang-orang Melayu Islam Patani terpaksa meninggalkan tanah air mereka pergi ke Malaysia, Indonesia dan Timur Tengah¹⁸.

Dari sumber-sumber yang ada telah menunjukkan bahawa angkatan pertama pelajar-pelajar Patani yang melanjutkan pengajian dan memilih menetap di Makkah sampai akhir hayat mereka ialah Syeikh Muhammad Shaleh bin Abdul Rahman Al-

¹⁷ Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia- Aceh", dalam **Tamadun Islam Di Malaysia**.(Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia,1980), hlm. 53-54.

¹⁸ R.O. Noone," Art Notes On the Kampung Compunds and Houses of the Patani Villages of Banggul Ara, in the Muslim Batu Kurau, Northern Perak",dalam **JMBRAS**, Vol.XXI, Pt.1,1918, hlm. 124-147.

Patani dan Syeikh Ali bin Ishak Al-Patani. Hal ini dinyatakan oleh Wan Muhammad Shaghir Abdullah, bahawa kedua ulama ini telah diakui dan mendapat kelayakan untuk mengajar di Masjidil Haram. Dari kedua ulama inilah Syeikh Daud bin Abdullah Al-Patani banyak menimba ilmu sebelum beliau belajar dengan ulama-ulama lain¹⁹.

Selain Timur Tengah, Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu juga mempunyai hubungan sejarah yang akrab dengan Patani. Dalam membincangkan kegiatan pemikiran Islam, khususnya di Kelantan, kita tidak dapat melewati begitu sahaja daerah Patani, sebab wilayah ini pada zaman silamnya adalah merupakan satu kesatuan sejarah dan kebudayaan dengan Kelantan. Apa yang lebih penting lagi ialah Patani selalu dianggap sebagai sumber sejarah dan sumber kegiatan pemikiran Islam di Kelantan. Oleh kerana itu, sejarah keislaman di Patani harus ditinjau sebagaimana sepatutnya, terutama dalam hubungan dengan kerajaan Islam Samudera Pasai. Dengan tinjauan ini, iaanya akan dapat menjelaskan kedudukan sebenar sejarah keislaman di Kelantan serta pertaliananya dengan Patani dan Samudera Pasai²⁰.

Orang-orang Melayu di Patani dan orang-orang Melayu di Kelantan memang mempunyai hubungan yang erat dari segi kebudayaan, politik dan agama. Apatah lagi pada abad ke-19M, kedua-dua negeri ini berada di bawah pemerintahan Siam

¹⁹ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani Penulis Islam Produktif Asia Tenggara.**(Solo: Ramadhani,1987), hlm.30.

²⁰ Hamdan Hassan, **Pertalian** , hlm. 48.

dan kedua-duanya turut menentang kerajaan Siam dalam suatu penentangan yang gagal tahun 1830 an²¹.

Hubungan yang paling akrab antara Patani dengan Kelantan adalah disebabkan oleh agama Islam²², di mana hubungan ini berlaku dalam pelbagai perkara. Pertama, pada awal abad ke-19, orang-orang Islam Kelantan mengembara ke Patani untuk belajar agama kepada para ulama tempatan di Patani, dan mereka yang mencapai kelulusan tertentu di Patani melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah. Kedua, para ulama Patani di Makkah amat cergas dalam bidang pendidikan dan paling berpengaruh di Tanah Suci dan ini menarik perhatian pelajar-pelajar dari Kelantan, yang menambahkan lagi hubungan kedua negara yang berjiran itu. Ketiga, pada peringkat awal abad ke-19 lagi sehingga ke tahun 1930an, pelarian-pelarian Patani – akibat tekanan-tekanan dari penjajah Siam – telah meninggalkan negara asal mereka berhijrah ke Kelantan dan menetap di sana, bahkan ada di antara mereka telah mendirikan pondok-pondok dan sekolah-sekolah di Kelantan dan tidak kurang juga ada sebahagian dari mereka yang terlibat dengan percetakan di Kota Bharu, Kelantan²³. Oleh sebab itu keseluruhan abad ke-19 dan abad ke-20 dapat dikatakan bahawa pemimpin-pemimpin agama di Kelantan adalah terdiri daripada keluaran

²¹ Cyril Skinner, "The Civil War In Kelantan", dalam Monograph II MBRAS, 1965, hlm. 6-7.

²² R.L. Winzeler, "Traditional Islamic School in Kelantan", JMBRAS, Vol.48, Part I, 1975, hlm.92.

Lihat juga A. Bangnara, **Patani Dahulu**, hlm.6. Selanjutnya tulisan Hamdan Hassan, "Pertalian Pemikiran Islam Malaysia – Aceh", dalam **Tamadun Islam di Malaysia**, hlm.49.

²³ Ibid., hlm.20.

pondok-pondok di Patani, iaitu sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah²⁴.

Asal-Usul Keturunan Syeikh Ahmad Bin Muhammad Zain Al-Patani

Patani sebagaimana tercatat dalam sejarah, adalah termasuk salah satu di antara kerajaan-kerajaan Islam yang ada di alam Melayu yang banyak memainkan peranan dalam bidang kegiatan Islam, dan banyak pula melahirkan ulama-ulama yang produktif dalam mengarang kitab dari pelbagai disiplin ilmu keislaman²⁵. Umumnya ulama-ulama ini, di dalam karya-karyanya , mencantumkan nama negara asal mereka seperti “al-Fatani” di akhir namanya. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa ulama tersebut berasal dari Patani, walaupun mereka telah memilih untuk bermastautin di negara lain. Di antara ulama-ulama Patani yang namanya sangat terkenal terutama di kalangan masyarakat Patani adalah Syeikh Syafiuddin al-Abbas al-Fatani, Syeikh Said al-Barsisa al-Fatani, Syeikh Gombak Abdul Mubin al-Fatani, Syeikh Faqih Ali al-Malbari al-Fatani, Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan banyak lagi yang lain²⁶.

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani adalah ulama Patani yang

²⁴ Nik Muhammad Nik Muhammed Saleh, "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan", dalam *Warisan Kelantan IV*. Kota Bharu, 1985, hlm. 100.

²⁵ Yusoff Zaki Yakob, "Masalah Pengasingan Sasterawan Melayu Dari Intelektualisme Islam", dalam *Sastera dan Agama*. (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), hlm.2-3.

²⁶ Mohd. Zamperi A. Malik, *Patani Dalam Tamadun Melayu*.(Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1994). hml. 100.

kedua selepas Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang sering disebut sebagai ulama yang banyak jasanya dalam sumbangan kepada perkembangan Islam di Patani dan alam Melayu umumnya. Nama penuhnya adalah al-Alim al- Allamah Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad bin Muhammad Zain bin Musa al-Malayuwi al-Fatani. Banyak dikalangan keluarganya menjadi ulama dan pendakwah yang menyumbangkan ilmunya kepada kemajuan Islam di Patani²⁷.

Ketokohnanya sebagai seorang intelektual Melayu yang menghasilkan pelbagai disiplin ilmu sering diperkatakan baik oleh orientalis mahupun oleh sarjana-sarjana melayu sendiri. C. Snouck Hurgronje, seorang orientalis Belanda di dalam bukunya **Mekka in the Later Part of the 19th Century** meletakkan tokoh ini sebagai “a savant of merit”. Begitu juga dengan William R. Roff dalam bukunya **The Origins of Malay Nationalism** yang kemudian buku tersebut diterjemah oleh Ahmad Bostaman dengan judul **Nasionalisme Melayu, a savant of merit** diterjemahkan sebagai “Seorang Sarjana Ulung”²⁸.

Tentang tarikh lahirnya, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani dengan teliti mencatat tahun-tahun kelahiran orang-orang di lingkungannya seperti ayah, ibu dan beliau sendiri. Dalam kitabnya **Hadiqatul Azhar War Riyahin**, beliau menulis tahun kelahirannya :

²⁷ Ibid., hlm. 114.

²⁸ Wan Muhamad Shaghir Abdullah, **Syekh Daud bin Abdullah Al-Fatani : Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara.** (Shah Alam : Hisbi, 1990), hlm. 5.

“Diperanakkan Ahmad bin Muhammad Zain bin Musthafa bin Muhammad al-Fathani pada malam Jumaat waktu jandera budak, lima hari bulan Syaaban daripada tahun 1272, tahun ular besar pada bulan lima daripadanya dengan istilah Siam, pada hari yang keenam dengan istilah Melayu. Dan tempat beranaknya pada kampung Jambu negeri Jerim daripada Patani. Dan Masya’nya pada kampung Jambu itu dan pada kampung Sena Janjar.”

Wan Muhammad Shaghir Abdullah menghitung tahun kelahiran datuknya seperti dinyatakan di atas adalah pada malam Jummat 5 Sya’ban 1272H, bersamaan dengan 10 April 1856M.²⁹ Tahun kelahirannya ini bersamaan dengan mangkatnya Sultan Muhammad Raja Patani (1856M), dan dengan persetujuan Raja Siam telah melantik putera beliau bernama Tengku Putih sebagai Raja Patani. Dalam tahun ini juga, perdagangan di Patani mulai aktif kembali dengan kedatangan bangsa-bangsa asing, terutama bangsa Cina.³⁰

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani terkenal juga dengan nama “Tok Guru Wan Ngah” dan kadang-kadang disebut dengan “Tuan Faridah” sahaja, sempena dengan nama sebuah kitab karangannya yang sangat terkenal di kalangan pelajar-pelajar pondok, baik di Patani mahupun di alam Melayu³¹.

Semasa berusia empat tahun, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani telah dibawa oleh kedua orang tuanya ke Makkah untuk melanjutkan pengajiannya di sana. Selama berada di Makkah, di samping menuntut ilmu, beliau juga

²⁹ Wan Muhamad Shaghir Abdullah, *Al-Allamah Syeikh Ahmad Al-Fathani Ahli Fikir Islam Dan Dunia Melayu*. (Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1992), hlm 12.

³⁰ Ibid., hlm. 12.

³¹ Ismail Che Daud (ed) , *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu*. (Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1992), hlm. 116 .

mengembangkan kerjayanya sebagai pengajar dan pengarang kitab-kitab agama, sehingga namanya kemudian sangat terkenal baik di Makkah maupun di Alam Melayu.

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani bermastautin di Makkah sampai akhir hayatnya. Beliau meninggal dunia pada malam Rabu 11hb. Zulhijjah 1325H bersamaan dengan 14hb.Januari 1908M di Mina, akibat sakit lumpuh sebelah badan. Jenazahnya kemudian dibawa ke Makkah dan dikebumikan di tanah perkuburan Ma'la, berhampiran dengan perkuburan Siti Khadijah isteri Rasulullah S.A.W¹².

Adapun asal-usul keturunan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani adalah berasal dari keturunan mubaligh agama Islam yang datang dari Hadramaut³³. Datuknya Haji Wan Mustafa bin Muhammad bin Muhammad Zain bin Musa al-Patani, atau nama singkatnya dipanggil "Pak Anjang Wan Pa sahaja. Aktivitinya semasa masih hidup adalah sebagai Hulubalang (Panglima) Sultan Patani. Di Patani, beliau telah membuka kampung Sena Janjar dan Bendang Daya pada tahun 1233H bersamaan dengan 1817M. Di sinilah beliau mengakhiri aktivitinya sebagai guru pondok yang terkenal dengan gelaran "Tok Bendang Daya I"³⁴. Beliau hidup

³² H.W.M.Saghir Abdullah, **Fatwa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad Al-Patani.** (Shah Alam : Hisbi,1990), hlm. 60.

³³ Ismail Che Daud, **Tokoh**, hlm. 93 ; Muhammad Uthman al-Muhammady, "Syeikh Ahmad Pemikir Bangsa". (Kertas Kerja Seminar Pemikiran syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, Kota Bharu,11 Sep.2002),hlm.1.

³⁴ Ibid., hlm. 34.

sezaman dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, tetapi pada masa itu usianya agak lebih tua daripada Syeikh Daud.

Kejatuhan terakhir Patani ke tangan penjajah Siam adalah semasa Syeikh Wan Mustafa menjadi Panglima Perang Patani. Oleh kerana sedang dikejar oleh penjajah Siam, dan pada masa yang sama beliau juga tidak mahu tunduk dan berkhidmat dengan penjajah kafir, akhirnya memaksa beliau lari menyelamatkan diri ke dalam hutan buat beberapa lama. Akhirnya beliau menyamar kembali ke kampungnya Sena Janjar. Di sana beliau membina sebuah pondok kecil dan orang kampung mengenalinya sebagai seorang lebai kampung yang sangat wara' dan kuat beribadat. Dari sinilah beliau hidup sebagai seorang sufi yang sabar, bersyukur dan berqana'ah³⁵.

Nama asal Syeikh Wan Muhammad Zain ialah Syeikh Wan Zainal Abidin bin Wan Mustafa al-Fatani lebih terkenal di kalangan masyarakat Patani, Kelantan dan Kemboja (Cam) dengan nama Syeikh Wan Din bin Wan Pa Patani sahaja.

³⁵ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya Di Asia Tenggara**. (Solo: Ramadhan, 1985), hlm. 116. Menurut W.Muhammad Shaghir lagi bahawa pada dinihari bulan Ramadhan, iaitu semasa Syeikh Wan Mustafa turun dari rumahnya mengambil wudhu' untuk melakukan solat tahajjud, terjadilah suatu peristiwa yang aneh baginya. Beliau melihat bahawa semua pokok-pokok di sekitar itu seakan-akan tumbang, dan air di perigi naik sampai berlimpah-ruah keluar dari perigi. Pada masa itu, beliau teringat bahawa mungkin inilah yang dikatakan dengan "Lailatul Qadar". Ketika itulah beliau berdoa agar semua anak cucunya menjadi alim ulama dan berjuang menegakkan agama Islam. W.Muhammad Shaghir menambahkan lagi bahawa dengan kehendak Allah, semua anak-anaknya seramai empat orang dan begitu juga cucu-cucunya menjadi alim ulama yang besar. Ibid., hlm.117.

Nama ini lama-kelamaan bertukar menjadi Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani³⁶.

Syeikh Muhammad Zain berkahwin dengan Wan Cik binti Wan Muhammad Saleh keturunan Orang Kaya Seri Akar Diraja Mahaputeri yang pertalian nasabnya sampai kepada Syeikh Syafiuddin al-Abbasi. Wan Cik isteri Syeikh Muhammad Zain adalah saudara kandung kepada Aisyah yang berkahwin dengan seorang ulama besar yang berasal dari Kelantan, iaitu Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan. Dari perkahwinan Syeikh Muhammad Zain dengan Wan Cik inilah akhirnya mereka memdapat seorang anak yang kemudian menjadi ulama yang terkenal, iaitu Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani³⁷.

Sebelum berhijrah ke Makkah bersama anak dan isterinya, Syeikh Muhammad Zain telah lama berkhidmat sebagai guru di Pondok Bendang Daya bersama dengan saudara-saudaranya Syeikh Abdul Qadir dan Syeikh Abdul Latif. Pondok ini merupakan pondok yang paling terkenal dan terbesar pada zaman itu kerana ia mendapat sokongan dan galakan dari Sultan Patani. Murid-muridnya bukan sahaja datang dari Patani, tetapi juga dari Indonesia (terutama Sumatera), Kemboja dan Tanah Melayu. Meskipun Syeikh Muhammad Zain al-Fatani merupakan anak pertama dalam keluarganya, namun beliau menduduki tempat kedua pentingnya di pondok tersebut sesudah saudaranya Syeikh Abdul Qadir. Manakala setelah ada

³⁶ Ibid., hlm. 117.

³⁷ Ibid., hlm. 118.

murid-murid dan saudara-saudaranya yang mampu dan boleh mengajar di pondok tersebut, maka beliau berangkat ke Makkah dengan cita-cita menambahkan ilmu pengetahuan di sana³⁸.

Selama menetap di Makkah, Syeikh Muhammad Zain dengan giat menyalin kitab-kitab karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani kerana bimbang kitab-kitab itu hilang; sebab pada masa itu kitab-kitab Melayu belum ada yang dicetak. Beberapa buah kitab salinan Syeikh Muhammad Zain al-Fatani masih disimpan oleh Wan Muhammad Shaghir Abdullah. Di antaranya **Manhalus Shaafi** (tasawuf) dan **Ghaayatul Taqriib** yang ditashih oleh Syeikh Muhammad Zain al-Fatani. Banyak catitan-catitan pada bahagian pinggirnya bahkan banyak istilah-istilah Arab yang tidak diterjemahkan oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani diterjemahkan oleh Syeikh Muhammad Zain al-Fatani.

Di Makkah Syeikh Muhammad Zain al-Fatani adalah salah seorang murid Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Walaupun tidak dapat dipastikan berapa lama beliau berguru dengan ulama yang terkenal dari Patani ini, namun berdasarkan kitab salinannya **Ghaayatul Taqriib** yang selesai disalin pada tahun 1276H adalah kitab karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang selesai dikarang pada tahun 1226H. Adapun kitab karangan beliau sendiri hanya satu yang dapat dikesan,

³⁸ Shafie Abu Bakar, "Sumbangan Syeikh Ahmad Dalain Bidang Bahasa dan Sastra". (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain, Kota Bharu, 11 September 2002), hlm.1.

iaitu kitab mengenai perkara haji³⁹. Beliau meninggal dunia pada 21hb. Januari 1908M, iaitu satu minggu setelah meninggal anaknya Syeikh Ahmad al-Fatani.

Anak Syeikh Wan Mustafa al-Fatani yang kedua ialah Syeikh Abdul Qadir (m.1312H/ 1895M di Makkah) atau terkenal dengan nama “Tok Bendang Daya”. Beliau seorang ulama besar Patani pada pertengahan abad ke-19M. Kewibawaannya sangat disegani oleh setiap lapisan masyarakat di Patani. Syeikh Abdul Qadir mempunyai enam orang anak, iaitu Wan Aisyah, Syeikh Ismail, Wan Minah, Wan Safiah,Wan Yusuf atau Pak Teh Sof dan Syeikh Ibrahim. Dua daripada anaknya, menjadi ulama besar dan terkenal pada zainannya, iaitu Syeikh Ismail bin Abdul Qadir al-Fatani (1882-1965M) yang lebih terkenal dengan nama “Pak Da Ail”, dan Syeikh Ibrahim bin Abdul Qadir al-Fatani (1894-1968M) yang terkenal dengan nama “Pak Cu Him”⁴⁰.

Pak Da Ail, usianya dihabiskan di Makkah dengan mengajar dan mengarang. Selama di Makkah, beliau hanya dua kali pulang ke Patani. Ramai ulama-ulama di alam Melayu, terutama di Patani, Kelantan dan Kedah adalah bekas muridnya, bahkan sebelum Perang Dunia Kedua nama beliau sangat terkenal di seluruh alam Melayu dan Kemboja. Meskipun beliau terkenal pakar dalam ilmu usuluddin, namun tidak dinafikan juga bahawa sebagai seorang ulama yang terkenal, beliau memiliki

³⁹ Ibid., hlm. 119.

⁴⁰ Ahmad Fathy al-Fatani,“Pak Da Ail Patani”, dalam Ismail Che Daud (ed), **Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)**. (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,1996). hml.101.

tahap ilmu yang bersepadau antara usuluddin, fiqh, tafsir dan tatabahasa Arab⁴¹.

Manakala adik Pak Da Ail, Syeikh Ibrahim atau Pak Cu Him, setelah sekian lama belajar di Makkah , akhirnya beliau kembali ke alam Melayu. Beliau tidak kembali ke Patani, sebaliknya ke Kedah. Di Kedah beliau bertemu jodoh dengan Hajah Zainab, anak seorang ulama penting di Kedah, iaitu Haji Ismail bin Mustafa atau terkenal nama “Haji Che Dol”. Pada tahun 1930M beliau telah mendapat tauliah dari pihak berkuasa Kedah untuk mengajar agama atau membuka pondok. Tauliah ini diberi ketika beliau berusia 37 tahun, iaitu setelah dua tahun beliau kahwin. Oleh kerana beliau memang terkenal sejak di Makkah lagi, maka Pondok Gajah Mati yang beliau dirikan mendapat sambutan bukan sahaja di sekitar negeri Kedah, tetapi juga dari Patani, Kelantan, Johor, Perak, Jambi dan Mandailing (Sumatera). Anak muridnya yang beliau bimbing sejak dari kecil dari Mandailing adalah Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Mutalib⁴².

Syeikh Abdul Latif atau dikenal dengan nama “Tok Bangkok” adalah anak ketiga Syeikh Mustafa al-Fatani. Beliau salah seorang ulama yang suka mengembara. Menurut Wan Muhammad Shaghir Abdulllah, beliau pernah sampai ke Sukadana dan Mempawah, Kalimantan Barat (Indonesia). Syeikh Abdul Latif akhirnya pergi ke Bangkok dan menetap di Kampung Ta it. Di perkampungan Ta it,

⁴¹ Ibid., hlm.105.

⁴² Ismail Awang , “Pak Cu Him Gajah Mati”, dalam Ismail Che Daud (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*. (Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,1996), hlm. 127-132.

Nonthaburi ini, hampir semua penduduknya suku Melayu yang berasal dari Patani (bekas tawanan perang) dan sebahagian besar adalah keturunan beliau. Di Bangkok, beliau berhasil menarik orang dengan seni bacaan al-Quran⁴³.

Salah seorang keturunan beliau yang terkenal sebagai ulama besar di Bangkok ialah Haji Yahya al-Latifi, bekas pelajar pondok Burmin Patani yang kemudian berhasil menamatkan pengajiannya di Universiti Madinah. Haji Yahya adalah seorang hafiz al-Quran dan ahli hadis. Di Bangkok beliau meneruskan usaha datuknya dengan mendirikan pondok pengajian dan madrasah. Di sini beliau terkenal dengan nama “Acan Yahya” yang bermaksud tuan guru yang dihormati Haji Yahya⁴⁴.

Anak Syeikh Wan Mustafa al-Fatani yang bungsu ialah Syeikh Daud bin Mustafa al-Fatani (1283H- 1354H) yang di kalangan masyarakat menyebut “Pok Cik Daud Patani”. Beliau bermastautin di Makkah. Murid-murid beliau sebahagian besar menjadi orang terkenal di Patani, Kelantan dan Kedah, terutama sebelum Perang Dunia Kedua.

Syeikh Daud bin Mustafa al-Fatani mendapat pendidikan awalnya bersama dengan saudara-saudaranya Syeikh Muhammad Zain, Syeikh Abdul Qadir dan Syeikh Abdul Latif di Patani. Beliau berhijrah dan menetap di Makkah bersama saudara-saudaranya yang lain. Di Makkah, beliau belajar dengan beberapa orang

⁴³ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Perkembangan**, hlm. 124.

⁴⁴ Ibid., hlm. 125.

ulama terkenal pada masa itu. Gurunya yang terakhir ialah anak saudaranya sendiri iaitu Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani yang usianya lebih tua daripada Syeikh Daud kira-kira sebelas tahun⁴⁵.

Syeikh Daud bin Mustafa al-Fatani terkenal sebagai seorang ulama yang sangat teliti tentang hukum-hukum fiqh Mazhab Syafi'e sehingga di dalam bidang tersebut gurunya Syeikh Ali Maliki mengakuinya dan dalam beberapa hal gurunya kembali merujuk kepada beliau. Beliau akhirnya meninggal dunia di Makkah akibat jatuh sakit di Mina sewaktu sedang mengerjakan haji sunat pada 23 Zulhijjah 1354H Jenazahnya dikbumikan di tanah perkuburan Ma'la berhampiran dengan saudara-saudaranya yang lain⁴⁶.

Pendidikan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani dibesarkan dalam keluarga yang memang mencintai dan menghayati ilmu sebagaimana yang dikehendaki oleh konsep dan falsafah hidup dalam pendidikan Islam. Sejak dari kecil beliau memang terdedah kepada wacana ilmu yang berterusan di dalam keluarganya. Malah, kampung tempat

⁴⁵ Ibid., hlm. 125.

⁴⁶ Ibid. hlm. 127.

53 H.W.M. Shaghir Abdullah, **Fatawa Tentang**, hlm.39.

54 Muhammad Uthman Muhammady, "Syeikh Ahmad Pemikir Bangsa". (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd.Zain, Kata Bharu, 11 September 2002), hlm.1.

beliau dilahirkan dan dibesarkan di awal zaman kanak-kanaknya, iaitu Sena Janjar, Jambu Patani⁴⁷, memang terkenal sebagai tempat percambahan dan pertumbuhan ilmu yang terancang sesuai dengan tradisi awal pendidikan Islam. Seperti yang telah direncanakan oleh tradisi pendidikan Islam di Patani, sejak kecil Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani telah diperkenalkan kepada sistem pengajian secara hafalan, iaitu salah satu cara pengajian dan pembelajaran yang dominan dalam dunia pendidikan Islam. Pada peringkat awalnya, beliau didedahkan kepada ilmu-ilmu asas agama, terutama menghafal al-Quran dan tatabahasa Arab. Keadaan ini tidak terlalu susah kerana di kalangan keluarga beliau sendiri memang telah banyak menjadi ulama-ulama besar⁴⁸.

Pada usianya sekitar empat tahun, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani telah dibawa oleh kedua orang tuanya ke kota ilmu Makkah dengan cita-cita ingin mendalami ilmu pengetahuan. Pada peringkat awalnya di kota Makkah, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani yang memang suka belajar sendiri secara sembuni-semبuni, tidak menampakkan dirinya sebagai seorang anak yang rajin dan tekun belajar. Keadaan ini membuat kedua orang tuanya menjadi gelisah kerana memang mereka mempunyai cita-cita agar anak kesayangannya ini menjadi seorang ulama yang terkenal seperti ulama-ulama Patani sebelum ini. Kegelisahan ini menjadi reda dan lega apabila beberapa soalan yang dikemukakan kepada Syeikh

Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, beliau dapat menjawabnya dengan betul. Beliau memang mempunyai daya ingatan yang kuat dan hafalannya luar biasa sehingga melebihi kawan-kawannya yang lain di masa itu⁴⁹.

Di kalangan keluarga Patani dan Kelantan yang berada di kota Makkah ketika itu mempercayai bahawa Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani telah mendapat ilmu ladunni. Kenyataan ini lebih menyakinkan lagi apabila pada usianya dua belas tahun, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani sudah mampu mengajar ilmu tatabahasa Arab (ilmu Nahwu) kepada orang-orang yang telah lama tinggal di Makkah dan lebih tua daripada beliau⁵⁰.

Dalam masa usianya belasan tahun ini, di kota Makkah beliau selalu berkawan dengan Ahmad Dahlan yang berasal dari pulau Jawa, Indonesia. Ahmad Dahlan adalah seorang anak yang sangat rajin belajar dan menghafal. Pada suatu hari terkeluarlah kata-kata dari ayahnya Syeikh Muhammad Zain bahawa kalau Syeikh Ahmad al-Patani malas belajar, beliau akan diberi minum air kencing kawannya Ahmad Dahlan. Kata-kata inilah akhirnya telah mendorong Syeikh Ahmad lebih tekun dan gigih belajar sehingga membuat beliau bertekad meninggalkan kota Makkah untuk mencari ilmu pengetahuan. Tujuan pertamanya ialah ke Baitulmuqaddis⁵¹.

⁴⁹Ibid., hlm. 16.

⁵⁰Ibid., hlm. 16 .

⁵¹Ibid., hlm.16.

Di Baitulmuqaddis, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, di samping belajar ilmu-ilmu agama, beliau juga mempelajari ilmu perubatan, dan yang terakhir inilah nampaknya lebih beliau minati selama dua tahun berada di Baitulmuqaddis. Beliau dianggap orang Melayu yang pertama mempunyai kemahiran dalam bidang ilmu perubatan kerana beliau mendapat pendidikan yang khusus dibidang itu kalau dibandingkan dengan tabib-tabib tradisional di alam Melayu. Beliau dibimbing oleh Syeikh al-Tabib Abdul Rahim al-Kabili, iaitu seorang pakar perubatan yang berasal dari benua kecil India. **Luqtat al-Ijlan** (1301H/1884M) dan **Thaiyibul Ihsan Fi Thibbil Jasan** (1312H/1895M) adalah di antara karya-karyanya dalam bahasa Melayu yang membahas ilmu-ilmu perubatan⁵². Selama dua tahun di sana, beliau juga telah bersahabat dengan Sayid Yusuf an-Nabhani pengarang pelbagai kitab yang terkenal, di antaranya **Al-Anwarul Muhammadiyah**⁵³.

Setelah Syeikh Ahmad al-Patani kembali ke kota Makkah alangkah terkejut kedua orang tuanya kerana dalam tindak-tanduk dan amalan sehari-harinya, anak yang dikasihinya ini tidak menunjukkan sebagai seorang yang alim dalam bidang agama. Yang lebih menonjol hanyalah mahir dalam membuat pelbagai jenis ubat-ubatan seperti makjun dan sebagainya. Oleh kerana itu, kedua orang tuanya memaksa anak kesayangannya ini supaya memperdalam ilmu pengetahuan agama

⁵² Ismail Che Daud, **Tokoh**, hlm. 95.

⁵³ Wan Mohd. Shaghir Abdullah, **Al-Allamah**, hlm. 16.

Islam sebagaimana ulama-ulama Patani zaman dahulu, seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Patani dan sebagainya.⁵⁴

Mulai saat itulah, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani sekali lagi bertekad meninggalkan kota Makkah untuk mendalami ilmu agama Islam. Kali ini beliau menuju ke Mesir kerana beliau mengetahui bahawa Mesir adalah merupakan pusat ilmu pengetahuan Islam yang unggul dengan kemegahan Universiti al-Azharnya, yang menurut istilah Syeikh Ahmad al-Patani disebut “Masjid Jami’ al-Azhar”. Beliau merupakan anak Melayu yang pertama diterima belajar di Universiti al-Azhar⁵⁵.

Setelah tujuh tahun belajar di Mesir, beliau kembali lagi ke kota Makkah sebagai seorang ilmuan Islam yang ulung. Semasa mengajar di Makkah, beliau banyak mendorong murid-muridnya agar melanjutkan pelajaran mereka ke Mesir. Diantara pelajar-pelajar Melayu yang belajar di Mesir ialah Tuan Guru Haji Muhammad Amin, Nad Dang, Patani, Tuan Guru Haji Daud, Kubang Bunut, Pasir Mas, Tuan Guru Haji Wan Mahmud (Tok Mesir) Lorong Gajah Mati, Kota Bharu dan Tuan Guru Haji Wan Abdul Mubin, Pulau Beluru, Kota Bharu⁵⁶.

Selama di Mesir, di samping belajar, Syeikh Ahmad al-Patani mengajar dan mengarang kitab. Di antara kitab-kitab yang dikarang oleh Syeikh Ahmad al-Patani

⁵⁴ Ibid., hlm. 17.

⁵⁵ Ibid. hlm. 19.

⁵⁶ Ismail Che Daud, **Tokoh**, hlm. 94.

semasa di Masjid Jami' al-Azhar ialah **Jumanatut Tauhid** (1293H/1876M), **Munjiatul Awam** (1293H/1876M), **Al-Thimarul Al-Syahiyyah** (1294H/1877M), **Unqudul La-ali** (1296H/1879M) dan **Manzhumatul Awamil**. Kitab yang terakhir ini beliau susun empat hari setelah selesai **Unqudul La-ali**. Kitab ini merupakan pembahasan bahasa dari kitab **Matan Awamil** susunan Syeikh Abdul Qadir al-Jurjani, iaitu seorang ulama ahli bahasa Arab yang terkenal. Semua kitab-kitab ini ditulis dalam bahasa Arab⁵⁷.

Di antara orang yang paling banyak membantu Syeikh Ahmad al-Patani semasa berada di Mesir ialah seorang sahabatnya bernama Syeikh Mustafa al-Baby al-Halaby yang akhirnya terkenal memiliki sebuah perusahaan penerbitan kitab terbesar di Mesir. Atas inisiatif Syeikh Ahmad al-Patani, maka Syeikh Mustafa banyak mencetak kitab-kitab Melayu (Jawi) yang selama ini disalin dengan tulisan tangan. Hampir semua kitab-kitab Melayu yang diterbitkan oleh percetakan ini telah diperiksa dan ditashih (edit) oleh Syeikh Ahmad al-Patani terlebih dahulu kerana bimbang jika terdapat kesilapan salin dan sebagainya. Mulai saat inilah Syeikh Ahmad al-Patani diakui oleh semua pihak bahawa beliau memang mempunyai keahlian di bidang tersebut, dan beliaulah orang Melayu pertama yang terjun dalam bidang ini⁵⁸.

⁵⁷ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Al-Attamah**, hlm. 23.
⁵⁸ Ibid., hlm. 25.

Di kota Makkah, di samping mengajar dan mengarang, beliau juga masih tetap meneruskan pengajian. Di antara guru yang menjadi pilihan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah (m. 10 Jumadil Awwal 1335H/1916M). Dalam beberapa karyanya, Syeikh Ahmad al-Patani menyebut gurunya ini sebagai “Syeikhuna” dan mengelarnya dengan “Mathla’u Syumusit Tahqiq wa Manba’u Uynunit Tadqiq” yang bermaksud tempat terbit matahari hakikat dan tempat mata air yang halus yang mengalir terus. Di atas permintaan gurunya ini, Syeikh Ahmad al-Patani pernah membuat syarahan terhadap karya gurunya **Hidayatul Awam** dengan judul **Sabilus Salam**⁵⁹.

Selain gurunya di atas, Syeikh Ahmad al-Patani juga telah berguru dengan para ulama dari pelbagai aliran pemikiran seperti Sayid al-Husaini al-Habsyi(tasawuf), Syeikh Musthafa al-Afifi, Sayid Umar asy-Syami al-Baqa’e, Syeikh Muhammad Haqqi dan lain-lain. Manakala di Madinah pula Syeikh Ahmad al-Patani berguru dengan Sayid Muhammad Amin bin Sayid Ahmad ar-Ridhwan (tasawuf), Sayid Muhammad Ali bin Sayid Zahir al-Watri (ilmu hadis), Syeikh Abdul Qadir asy-Syibli at-Tharabusi dan lain-lain yang masih belum kenal pasti⁶⁰.

Selain ulama-ulama Makkah dan Madinah yang berbangsa Arab di atas, Syeikh Ahmad al-Patani juga tidak menkesampingkan ulama-ulama Melayu yang berada di sana terutama yang berasal dari Patani dan Kelantan. Memang tidak dapat

⁵⁹ Wan Muhammad Shaghir Abdullah, **Al-Allamah**, hlm. 27-28.
⁶⁰ Ibid., hlm. 29-35.

dinafikan bahawa dalam bidang-bidang tertentu kadang kala ulama Melayu lebih mahir daripada ulama-ulama yang berbangsa Arab sendiri. Di antara ulama-ulama Melayu yang dianggap sebagai guru kepada Syeikh Ahmad al-Patani ialah Syeikh Muhammad bin Ismail al-Patani (1844-1915) yang lebih terkenal dengan nama Syeikh Nik Mat Kecik al-Patani (ilmu fiqh), Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Patani (ṭasawuf) (m. 1315H/1897M), Syeikh Muhammad Said bin Isa al-Kalantani, Syeikh Abdul Muthalib Kuta, al-Kalantani, dan Syeikh Wan Ali Kutan al-Kalantani (1837-1913)⁶¹.

Di antara ulama-ulama Alam Melayu yang sezaman dengan beliau bermastautin dan mengajar di Mekah ketika itu ialah Syeikh Muhammad Nawawi bin Umar berasal dari Banten, Jawa Barat (m. 1315H), Syeikh Jamaluddin bin Idris, Negeri Sembilan (m.1305H), Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad Ali, berasal dari Patani (m.1915M), Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Latif, berasal dari Minangkabau (m.1916M), Syeikh Ahmad Khatib bin Abdul Ghaffar, berasal dari Sambas, Syekh Ahmad bin Muhammad Yunus, berasal dari Kepulauan Lingga, Syeikh Uthman bin Abdul Wahhab, berasal dari Sarawak, Syekh Uthman bin Syihabuddin, berasal dari Pontianak, Syeikh Abdul Salam, berasal dari Kampar,

⁶¹ Ibid., lilm. 36-42.

Syeikh Khatib Kumango, berasal dari Batu Sangkar, dan Syeikh Abdul Muttalib bin Tuan Abdullah Faqih, berasal dari Kelantan⁶².

Murid-Murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani

Suatu hal yang menarik bahawa hampir semua murid Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani menjadi ulama-ulama besar dan tokoh-tokoh penting yang tercatat dalam sejarah perkembangan Islam di rantau ini. Di antara murid-muridnya yang berasal dari alam Melayu sebagaimana disenaraikan oleh Wan Muhammad Shaghir Abdullah dalam bukunya “**Fatawa Tentang Binatang Hidup Dua Alam Syeikh Ahmad Al-Fatani**” ialah Tok Kenali, Nik Mahmud b. Ismail, Syeikh Abdullah bin Qasim Sengora, Syeikh Muhammad bin Idris al-Fatani, yang membangun pondok Burmin di Jambu, Patani. Pondok ini adalah termasuk pondok yang paling ramai murid pada masa itu, dan beliau merupakan tempat rujukan ulama-ulama Patani dan Malaysia⁶³.

Masih ramai murid-murid beliau selain yang disebutkan di atas kerana hampir tidak ada seorang pun di kalangan para pelajar Islam alam Melayu yang menuntut ilmu agama di Makkah pada masa itu yang tidak berguru dengan beliau⁶⁴. Melalui murid-murid inilah gagasan dan cita-cita Syeikh Ahmad al-Patani

⁶² Ismail Che Daud, **Tokoh**, hlm. 94-95.

⁶³ H.W.M.Saghir Abdullah, **Fatawa Tentang** ,hlm41-42.

⁶⁴ Mohd. Zainberi A. Malck, **Patani Dalam Tamadun Melayu**.(Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,1994), hlm. 118.

berkembang di seluruh alam Melayu. Antara mereka ada yang menjadi pemimpin agama yang terkenal, tokoh Islam, ulama, mufti, kadi, pengetua sekolah agama, guru pondok dan sebagainya. Nik Mahmud bin Nik Ismail yang lebih cenderung mempelajari ilmu politik daripada beliau telah dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan. Haji Ibrahim bin Haji Yusuf menjadi mufti besar negeri Kelantan antara tahun 1928M hingga tahun 1941M, Syeikh Muhammad bin Mohammad Said menjadi mufti Negeri Sembilan Khatib Jabar menjadi imam di Sambas, Kalimantan Barat, Haji Muhammad Saleh menjadi kadi di Kemboja dan Tok Kenali menjadi tok guru pondok dan pemimpin masyarakat.⁶⁵

Pengaruh Syeikh Ahmad al-Patani di alam Melayu sangat besar, khususnya di Kelantan dan Patani. Beliau adalah orang Melayu yang pertama menjadi pentash-hih kitab-kitab berbahasa Arab dan Melayu di Mesir, Turki, dan Makkah. Sumbangannya sangat penting dalam melahirkan generasi intelektual Islam di Patani dan Kelantan menjelang akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Secara tidak langsung beliau merupakan orang yang meletakkan dasar dan sistem pendidikan pondok lebih bersistematik jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya⁶⁶. Hal ini diakui oleh William R. Roff yang mengatakan :

“The name of Wan Ahmad is still remembered throughout the Malay World, in Indonesia (especially Sumatra), Malaysia and Cambodia. In addition it is known that several other teachers from Patani and Indonesia

⁶⁵ Ibid., hlm. 118.

⁶⁶ Ibid., hlm. 119

probably -attracted To' Kenali's interest, as well as a number of Arabs".⁶⁷

⁶⁷ William R. Roff, *Kelantan*, hlm.29.